


# Diskriminasi wanita akan dihapus

Pindaan Perlembagaan Persekutuan, lima akta, satu rang undang-undang

BH-16/5/2007



Laporan Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan akan meminda Perlembagaan Persekutuan, lima akta dan satu rang undang-undang bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun, berkata akta yang dikaji untuk pindaan adalah Akta Keganasan Rumah tangga 1994, Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Akta Membaharui

Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

Beliau berkata, rang undang-undang yang dikaji membabitkan Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan).

Katanya, tindakan itu selaras pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan tiada undang-undang dan peraturan harus mendiskriminasikan wanita.

"Cadangan pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah tangga 1994 antara lain memperuntukkan peluasan takrifan keganasan rumah tangga supaya meliputi aspek emosi, mental dan psikologi.

"Ia juga bagi memudahkan proses permohonan Perintah Perlindungan Sementara (IPO)," katanya menjawab soalan Senator Datuk Rhina Bhar di Dewan Negara, semalam.

Rhina bertanya sama ada kerajaan mahu memansuhkan akta yang mendiskriminasi wanita yang belum di-

**“** Cadangan pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah tangga 1994 antara lain memperuntukkan peluasan takrifan keganasan rumah tangga supaya meliputi aspek emosi, mental dan psikologi”

**Chew Mei Fun**  
Setiausaha Parlimen Kementerian  
Pembangunan Wanita, Keluarga dan  
Masyarakat



buat walaupun Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang sudah dipinda memberi hak saksama kepada golongan itu.

Menjawab soalan tambahan Senator Datuk Dayang Mahani Tun Ahmad Raffae yang mahu mengetahui bila pindaan itu akan dibuat, Chew berkata, Akta Keganasan Rumah tangga kini pada peringkat akhir.

"Akta Kerja juga dalam peringkat tindakan manakala yang lain dalam perbincangan," katanya.

Kepada soalan tambahan Senator Datuk Gooi Hoe Hin yang mahu tahu bila pindaan Perlembagaan Persekutuan akan dilakukan, Chew berkata, satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan Jabatan Peguam Negara ditubuhkan selepas dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Mesyuarat Kabinet Kesaksamaan Gender, Julai tahun lalu.